

Gunakan semangat gempur untuk cari peluang ekonomi-PM

SINTOK 7 Mei — Bekas-bekas perajurit hari ini disarankan gunakan semangat gempur yang ditanam dalam diri mereka semasa latihan dahulu untuk mencari peluang masa kini bagi menguatkan ekonomi diri sendiri dan keluarga.

"Apa yang diperlukan ialah mengubah sasaran dan kali ini yang hendak digempur ialah peluang - peluang yang boleh menguatkan ekonomi bekas-bekas perajurit," kata Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Berucap merasmikan Seminar Kebangsaan Bekas-Bekas Perajurit Malaysia: Pembangunan Ke Arah Wawasan 2020 di Dewan Muadzam Shah Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini pagi ini, beliau berkata semangat gempur itu sewajarnya ditimbulkan lebih hebat lagi sehingga tercapai matlamat per-

satunya.

Katanya, matlamat persatuan ialah untuk menyara hidup bekas-bekas perajurit dan keluarga sepertimana kakitangan kerajaan yang beroleh pencen.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir menegaskan bahawa bekas-bekas perajurit negara ini mempunyai semangat dedikasi yang tinggi sejajar dengan latihan mereka sehingga membina sikap dan kebolehan yang amat sesuai untuk menghadapi cabaran.

"Sifat-sifat mulia ini yang disemat ke dalam kehidupan perajurit boleh menjadi asas kepada segala kejayaan," ujarnya.

Beliau menarik perhatian bahawa kebanyakan bekas perajurit yang berjaya dalam perniaga-

an, perusahaan dan kerja-kerja lain tidak langsung mendapat latihan dalam pengurusan kewangan atau dalam pengendalian perusahaan.

Sebaliknya beliau memuji kejayaan itu adalah kerana disiplin diri, semangat dan hati yang cekat serta teliti terhadap perkembangan kerjayanya.

"Dengan semangat yang kuat dan disiplin diri, mereka berjaya menghadapi segala kerumitan perniagaan tanpa mengalah dan jatuh bankrap," tegas Dr. Mahathir.

Justeru itu, kata Perdana Menteri, untuk memenuhi kehendak Wawasan 2020 ana vana

penting ialah semangat berdikari pada bekas-bekas perajurit.

Selama ini, katanya, kerajaan telah menunjuk arah dan menyediakan segala kemudahan latihan dan peluang untuk meningkatkan pencapaian diri bekas-bekas perajurit dalam semua bidang.

"Menjelang 2020, terpujulah kepada setiap individu untuk mengesan peluang - peluang untuk diceburi. Saya yakin saudara - saudara sekalian sedar dan nampak bahawa peluang - peluang ini semakin bertambah di sekeliling kita," tambahnya.

Bagaimanapun Perdana Menteri menegaskan bekas-bekas perajurit di Malaysia bolehlah dikatakan lebih beruntung daripada bekas perajurit di negara-negara lain kerana jumlah mereka tidak ramai dan kerajaan mampu memberi pelbagai bantuan.